



**KERTAS KERJA
SEJARAH PULAU PINANG:
MEMBETULKAN YANG SILAP MENEGAK YANG BETUL**

**SEMPENA
HARI TERBUKA ARKIB UITM
CAWANGAN PULAU PINANG
“ASAL USUL PULAU PINANG”**

**DI BENTANGKAN OLEH
TAN SRI DATO' SERI (DR) HAJI MOHD YUSSOF LATIFF
PRESIDEN
PERSATUAN MELAYU PULAU PINANG (PEMENANG)**

**RABU 21 JUNE 2023 / 02 ZULKAEDAH 1444
JAM 2.30 PETANG
LIBRARY COMMUNITY ENGAGEMENT (LCE)
PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK,
UITM PULAU PINANG**

SEJARAH PULAU PINANG: MEMBETULKAN YANG SILAP MENEGAK YANG BETUL

PENGENALAN

11 Ogos 1786, merupakan tarikh penting bermulanya penguasaan Inggeris ke atas Pulau Pinang melalui Sharikat Hindia Timur Inggeris (SHTI) daripada kesultanan Melayu Kedah. Semenjak itu, Francis Light diterima sebagai pembuka Pulau Pinang hinggalah sekarang. Fakta ini boleh dicabar dan ditolak dengan sekerasnya jika kita kembali menyusuri sejarah awal Pulau Pinang.

1786, Dengan Muslihat Pulau Pinang diduduki oleh Francis Light

Melalui Syarikat Hindia Timur Inggeris (SHTI) atau The East India Company, Pulau Pinang berada dalam penguasaan Inggeris. Sultan Muhammad Jiwa Zainal Azilin Shah II (memerintah 1710–1778) memohon bantuan SHTI membalas serangan Bugis ke atas Kedah pada awal tahun 1771 kerana berkomplot dengan beberapa kerabat diraja Kedah yang menentang tindakan Sultan Muhammad Jiwa melantik puteranya, Tunku Abdullah, sebagai pengganti takhta. Baginda menawarkan kawasan perairan Kuala Kedah hingga ke Pulau Pinang kepada SHTI pada bulan November 1771 jika SHTI memberi bantuan ketenteraan dalam ekspedisi Kedah menyerang Bugis di Selangor. Namun SHTI di India menolak sebarang bentuk bantuan ketenteraan diberikan kepada Kedah.

Selepas tawaran pertama, muncul tawaran kedua, dengan jalur yang sama kepada SHTI untuk membantu Sultan Kedah iaitu Sultan Abdullah Mukarram Shah (1778–1798) menentang Siam dan memperkukuhkan kekuasaannya. Muncul Francis Light untuk menyakinkan Sultan bahawa SHTI akan bersetuju untuk menolong. Francis Light diberi keizinan oleh Sultan Abdullah menduduki Pulau Pinang buat sementara waktu sehingga jawapan dari India diperoleh.

Setelah puas menanti, jawapan untuk menyokong Sultan Abdullah tidak juga tiba dan Francis Light sebaliknya bertegas untuk kekal di Pulau Pinang. Segala usaha Sultan Abdullah untuk mendapatkan semula negeri itu tidak berjaya sebaliknya SHTI terus mengukuhkan kedudukannya di Pulau Pinang melalui perjanjian perdamaian yang di tandatangani dengan Kedah pada bulan Mei 1791. Maka tindakan Francis Light menduduki Pulau Pinang pada tahun 1786 itu dilihat sebagai satu penipuan kerana beliau tahu SHTI tidak akan bersetuju untuk membantu Sultan Kedah menentang Siam. Hubungan SHTI dengan Siam juga baik.

Demikian sejarah ringkas bagaimana Pulau Pinang diambil secara penuh muslihat dan tipu daya oleh Francis Light dan kemudian kononya diangkat sebagai pembuka Pulau Pinang.

Sebelum kedatangan Francis Light ke Pulau Pinang dan kemudian membuat penempatan di Tanjung Penaga (nama asal Georgé Town), telah ada beberapa penempatan awal orang Melayu yang system pentadbiran yang baik dengan agama Islam menjadi tunjangnya dan ekonomi perdangannya menjadi teras selain pertanian.

Haji Mohammad Salleh Tokoh Awal Sejarah Pulau Pinang

Haji Mohammad Salleh atau nama sebenarnya Raja Nan Intan Ibni Almarhum Tengku Pateh Sebatang merupakan pengasas penempatan Melayu pertama di Pulau Pinang. Beliau berasal dari Kampung Buadi, Paya Kumboh, Sumatera. Penempatan awal ini dikenali sebagai Batu Uban. Haji Mohammad Salleh bersama adiknya, Nakhoda Kechil serta, para pengikut beliau, setelah sekian lama berada di Pulau Pinang, Haji Mohammad Salleh dan adiknya, Nakhoda Kechil telah pergi menghadap Sultan Muhammad Jiwa Zainal Azilin Shah II (1710–1778) di Kedah untuk memohon membuka kawasan petempatan di Pulau Pinang. Sultan memberi keizinan dan akhirnya kawasan Batu Uban di sebelah pantai sehingga Gelugor diterokai oleh Haji

Mohammad Salleh dan adiknya serta pengikut-pengikutnya. Haji Mohammad Salleh telah berkahwin dengan seorang wanita dari Seberang Perai yang bernama Cik Aishah. Sebagai pengiktirafan kepada kepimpinan Haji Mohammad Salleh, Sultan Kedah pernah datang melawat dan tinggal di Batu Uban untuk belajar agama.

Dari Batu Uban ke Tanjung Penaga

Dari Batu Uban, Kawasan yang dibangunkan oleh Haji Mohammad Salleh telah berkembang sehingga kawasan Tanjung. Jika Batu Uban dibangunkan oleh Haji Mohammad Salleh, Tanjung pula dibangunkan oleh adiknya - Nakhoda Kechil. Beliau merupakan orang pertama yang ditemui oleh Francis Light sewaktu mendarat di Tanjung Penaga (nama lama bagi George Town).

Batu Uban dan Tanjung Penaga berkembang pesat dari sebuah penempatan kecil menjadi kawasan penempatan yang sibuk dengan kehadiran pelbagai bangsa yang ingin berdagang atau membelajari agama Islam seperti Arab dan Indonesia khususnya dari Sumatera. Peranan Haji Mohammad Salleh sebagai pemimpin dan orang alim di Pulau Pinang menjadi satu tarikan kepada masyarakat luar.

Batu Uban semakin dikunjungi bukan sahaja oleh pedagang dan orang yang ingin belajar agama namun juga oleh kumpulan yang ingin menjadi penduduk tetap di situ. Penubuhan Masjid Jamik Batu Uban menjadi pemangkin perkembangan Islam di situ dan kawasan-kawasan persekitarannya dengan ada imam-imamnya terdiri daripada orang Arab. Masyarakat dari Indonesia khususnya Sumatera semakin ramai yang berpindah masuk menetap di situ. Berlaku perkahwinan campur antara penduduk tempatan dengan orang luar seperti orang Arab dan Indonesia.

Sungguhpun Batu Uban berkembang pesat sebagai sebuah pelabuhan dan penempatan, hubungan Batu Uban dengan Kedah dan Seberang Perai terus kekal terutamanya kerana kedatangan sultan dan rombongannya diraikan oleh penduduk setempat dengan aktiviti gotong royong menyambut tetamu terhormat.

Dari Mohammad Salleh Ke Datok Jannatun

Selain Haji Mohammad Salleh, seorang lagi peneroka awal di Pulau Pinang ialah Datok Jannatun yang juga berhijrah dari Sumatera khususnya Pagar Ruyong. Beliau merupakan saudara muda kepada Sultan Pagar Ruyong. Oleh kerana isu agama dan adat di sana, Datok Jannatun keluar dan mengembara hingga sampai ke Pulau Pinang pada tahun 1759. Sebelum sampai ke Pulau Pinang, Datok Jannatun dan rombongannya telah sampai di Kedah pada tahun 1749 dan setelah lama di Kedah, beliau memohon kebenaran Sultan Kedah ketika itu (Sultan Muhammad Jiwa Zainal Azilin Muazzam Shah II) untuk meneroka tanah di Pulau Pinang. Bagi mengenangkan jasa orang Minangkabau membantu Kedah melawan Siam, Sultan Kedah telah meanugerahkan 100 ekar tanah dari sebelah bukit Batu Uban hingga ke Gelugor.

Kawasan itu dibuka untuk petempatan dan pertanian. Hasil tanaman daripada kawasan tersebut dibawa melalui Sungai Gelugor ke pelabuhan Batu Uban untuk diniagakan. Kawasan itu pada hari ini meliputi Taman Brown, Gelugor dan Bukit Gambir. Malangnya, pada generasi ketiga, tanah kurniaan sultan itu dicagarkan kepada David Brown, seorang saudagar Inggeris. Tanah itu dilelong oleh kerajaan pada tahun 1919 kerana cukai tanah tidak dibayar dan akhirnya jatuh ke tangan Brown. Datok Jannatun yang meninggal pada 1789, telah dikuburkan di Bukit Gambir, Gelugor.

Datok Keramat

Pada masa dahulu, orang Aceh ramai di Pulau Pinang dan mereka belayar masuk ke Pulau Pinang membawa hasil tanaman mereka untuk diniagakan di kawasan yang dinamakan Telok Jelutong (sekarang meliputi kawasan Kampung Rawana dan Kebun Lama). Salah seorang penting di kalangan mereka ialah Datok Keramat dan beliau telah membuka sebuah penempatan yang diberi nama Datok Keramat.

Pembukaan Bayan Lepas

Dengan kedatangan Francis Light pada tahun 1786, lebih banyak kawasan baru dibuka di Pulau Pinang. Jumlah penduduk bertambah, dari 100 orang pada 1786 ke 33,959 pada tahun 1830. Pada peringkat awal, kaum Melayu mengatasi bangsa-bangsa yang lain, namun mulai tahun 1860 kaum Cina mula mengatasi orang Melayu ekoran kemasukan imigran dari negara China yang semakin meningkat dalam lingkungan tahun tersebut. Pada tahun 1789, Bayan Lepas dibuka oleh Haji Mohamed Salleh atau dikenali dengan nama Haji Brunei. Beliau digelar demikian kerana berasal dari Brunei. Haji Mohd Salleh Brunei ini berlainan dari Haji Mohd Salleh Tokoh awal sejarah Pulau Pinang yang juga nama sebenarnya Raja Nan Intan Ibni Almarhum Tengku Pateh Sebatang dalam ucapan awal saya tadi. Haji Mohamed Salleh menjejak kaki di Pulau Pinang tidak lama selepas Francis Light menduduki pulau itu. Pada mulanya beliau bersama-sama Nakhoda Kechil dan beberapa orang lain meneroka tanah di Jelutong. Tidak lama kemudian (iaitu selepas 11 tahun berada di Pulau Pinang), Haji Mohamed Salleh menuju ke Bayan Lepas dan meneroka tanah di kawasan tersebut.

SHTI "RAMPAS" PULAU PINANG

Atas alasan kononnya SHTI bersetuju untuk memberi perlindungan ketenteraan kepada Kedah, Francis Light dengan licik telah memperdayakan Sultan Kedah dan SHTI membuat pakatan sulit dengan Siam untuk menawan Kedah supaya SHTI pula dapat "merampas" Pulau Pinang.

Apabila Sultan Abdullah sedar bahawa baginda telah ditipu, pada tahun 1791 baginda menyiapkan angkatan laut di Seberang Perai untuk menyerang dan mengambil semula Pulau Pinang. Baginda meminta bantuan daripada ketenteraan dari kepulauan Sumatera iaitu Riau dan Siak selain dari bantuan Selangor.

Persiapan tentera Sultan Kedah itu telah dihidu oleh Francis Light. Beliau meminta bantuan tentera daripada pihak British dan menyerang kubu Sultan Abdullah di Seberang Perai terlebih dahulu sebelum pasukan tentera Sultan Kedah sempat bertindak. Malangnya Kedah kalah dalam serangan itu dan kali ini SHTI menduduki Seberang Perai pula dan menamakan tanah besar itu *Province of Wellesley*.

Pada tahun 1826 Inggeris mengukuhkan penguasaannya di Pulau Pinang dengan pembentukan Negeri-negeri Selat. Apabila SHTI menjadikan Pulau Pinang sebagai salah sebuah Negeri-negeri Selat maka itulah detik bermulanya Kedah "kehilangan" Pulau Pinang.

SHTI telah mentadbir Pulau Pinang secara mutlak selain Melaka dan Singapura. SHTI kemudiannya telah membawa masuk ribuan imigran asing, mengeluarkan geran tanah dan menjualnya sesuka hati kepada sesiapa pun, memberi kebebasan kepada golongan ahli perniagaan asing membina rumah-rumah agam mewah, gudang-gudang dan rumah kedai dalam bandaraya Tanjong. Kebanyakan bangunan dan rumah mewah itu masih kekal sehingga sekarang.

UMNO PERNAH TUNTUT SUPAYA PULAU PINANG DISERAHKAN KEPADA KEDAH

Satu peristiwa yang saya saksikan sendiri ialah pada tahun 1956 UMNO Bahagian Pulau Pinang telah menghantar memorandum kepada Sultan Kedah menerusi UMNO Negeri Kedah supaya menuntut semula Pulau Pinang menjadi wilayah Kedah.

UMNO membuat gesaan itu kerana membantah kegiatan pihak tertentu yang menubuhkan Jawatankuasa Pengasingan Pulau Pinang dan mahukan Pulau Pinang dimerdekakan secara berasingan dan dipisahkan dari Persekutuan Tanah Melayu.

Peristiwa penyerahan memorandum kepada Sultan Kedah melalui UMNO Kedah itu berlaku ketika Tunku Abdul Rahman sedang berunding dengan British untuk kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu yang ditetapkan pada 31 Ogos 1957.

Selepas UMNO bergerak aktif di Pulau Pinang, terdapat masyarakat elit bukan Melayu pula yang mahukan British menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negara merdeka di bawah naungan British dan mereka melancarkan kempen "Gerakan Merdeka Pulau Pinang" untuk mendesak supaya Pulau Pinang dijadikan sebuah negara merdeka dan terpisah daripada Tanah Melayu.

Gerakan Merdeka Pulau Pinang itu dipimpin oleh Heah Joo Seang iaitu Presiden Persatuan Cina Negeri-negeri Selat British Pulau Pinang (Penang Straits Chinese British Association). Pada pertengahan Januari 1956, Heah yang juga Presiden Persekutuan Pengusaha Getah Pulau Pinang telah mengunjungi kerajaan British di London bagi menyerahkan petisyen menggesa British mengkaji semula kedudukan Pulau Pinang dalam Persekutuan Tanah Melayu dan beliau turut memberi penekanan mengenai status kewarganegaraan Negeri Selat British di Tanah Melayu.

Susulan dari dua puak yang anti merdeka ini telah mendapat liputan media tempatan ketika itu. Tengku Abdul Rahman yang ketika itu berada di London dalam misi perundingan kemerdekaan dengan British telah membuat kenyataan dalam akhbar bahawa andainya tuntutan Pulau Pinang oleh pihak pemisah melengahkan tarikh yang ditetapkan 31 Ogos 1957 Malaya Merdeka, Tengku Abdul Rahman bersetuju bahawa Pulau Pinang di keluarkan dari Tanah Melayu.

Tindakan kumpulan pemisah itu dan juga dengan kenyataan Tengku Abdul Rahman telah mendapat reaksi orang Melayu dan UMNO Bahagian Pulau Pinang telah mengadakan mesyuarat tergempar. Naib Ketua Pemuda UMNO Bahagian Pulau Pinang Encik Mustapha Hamidon membentangkan usul agar Pulau Pinang diserahkan kembali kepada kerajaan Tuanku Sultan Kedah.

Jawatankuasa Pemuda UMNO Bahagian melantik (Datuk) Cikgu Mohamad Nor Ahmad, (Datuk) Haji Abdul Rahim Khan dan Cikgu Noor Ishak sebagai wakil untuk menyerahkan usul itu kepada Istana Kedah melalui UMNO negeri Kedah di Alor Setar.

Antara kandungan usul Pemuda UMNO Bahagian Pulau Pinang itu ialah menggesa agar Istana Kedah menuntut kembali Pulau Pinang sebagai wilayah di bawah kerajaan Sultan Kedah.

Pemuda UMNO Bahagian Pulau Pinang berpendirian jika benar wujudnya perjanjian tahun 1786 antara Sultan Kedah Sultan Abdullah Mukarram Shah dengan Francis Light yang mewakili SHTI) itu, maka perjanjian itu sebenarnya telah lama terbatal dan tidak sah. Ini kerana Sultan Kedah membenarkan SHTI menduduki Pulau Pinang dengan syarat syarikat itu memberi perlindungan dan SHTI pula bersetuju membayar pajakan sebanyak 10,000 dolar wang Sepanyol setahun. Bagaimanapun perjanjian itu telah dikhianati oleh pada tahun 1790

apabila SHTI tidak melindungi Kedah daripada serangan musuh malah telah bersubahat dengan Siam yang menyerang Kedah.

Jika benar ia wujud sekalipun, perjanjian itu juga tidak sah disisi undang-undang kerana ia tidak mempunyai tempoh kontrak. Menurut undang-undang, sesuatu perjanjian kontrak pajakan wajib mempunyai tempoh sah bermula dan berakhir.

Selain itu, jika benar wujudnya perjanjian itu, ia hanya melibatkan Francis Light yang mewakili SHTI dengan Istana Kedah. SHTI itu telah ditutup pada tahun 1858 maka ia bermakna perjanjian itu tidak lagi terpakai. Berdasarkan fakta-fakta dalam usul itu, pajakan Pulau Pinang harus diisytihar batal dan tidak sah. Maka Istana Kedah berhak menuntut kembali Pulau Pinang sebagai wilayah di bawah naungan kerajaan Sultan Kedah.

Bertindak atas memorandum itu, pada 8 Februari 1956, Tunku Abdul Rahman dalam ucapannya ketika majlis tandatangan persetujuan kemerdekaan negara di Lancaster House, London menyifatkan majlis tandatangan itu sebagai satu tanda mengembalikan Pulau Pinang kepada tanah Melayu. Tunku Abdul Rahman berkata, jika datuknya yang memerintah Kedah ketika itu telah menurunkan tandatangan untuk menyerahkan Pulau Pinang kepada British, kini beliau pula menurunkan tandatangan perjanjian memulangkan semula Pulau Pinang kepada Tanah Melayu.

Kenyataan tegas Tunku Abdul Rahman itu ibarat "menutup kes" dan kumpulan pemisah terbabit tidak lagi bersuara sehinggalah akhirnya Pulau Pinang terus kekal dan dijadikan sebagai salah sebuah negeri dalam Tanah Melayu seterusnya merdeka bersama Malaya pada 31 Ogos 1957.

Kesimpulannya

Pulau Pinang bukan dibuka oleh Francis Light kerana sebelum 1789, telah ada beberapa penempatan orang Melayu khususnya dari Sumatera. Batu Uban, Bukit Gelugor, Jelutong dan Datok Keramat antara penempatan-penempatan awal Melayu yang maju pada waktu itu. Tidak dinafikan Francis Light memajukan Pulau Pinang dengan sistem pentadbiran yang moden namun beliau bukan pembuka Pulau Pinang. Fakta sejarah yang diselewengkan ini perlu diperbetulkan kembali dengan segera.

Rujukan

Azeman Ariffin (2021) "Wawancara khas bersama Tan Sri Mohd Yussof Latiff"

Mahani Musa. (Edisi Kedua 2021). "Kawasan Penempatan Melayu Sebelum dan Selepas Kedatangan Francis Light". Dalam Sohaimi Abdul Aziz (ed.). *Dari Tanjung Penaga Ke George Town*. Pulau Pinang: Persatuan Karyawan Pulau Pinang. (hlm. 17-30)

Zulkifli Khair dan Badrol Hisham. (1994). "Sejarah awal masyarakat Islam di Pulau Pinang dan Masjid Jamik Batu Uban". *Jurnal Sejarah Islam di Pulau Pinang*. Jabatan Agama Islam Pulau Pinang.